

BAB 2 PENTADBIRAN

BAHAGIAN A KUASA AM PUSAT PENJELASAN

2.01 Pelaksanaan kuasa

- (1) Tertakluk kepada peruntukan Undang-undang Sekuriti, Pusat Penjelasan boleh melaksanakan kuasanya mengikut cara dan atas terma sedemikian sebagaimana yang dianggap perlu atau wajar.
 - (2) Kuasa Pusat Penjelasan termasuk:
 - (a) membuat kaedah-kaedah baharu;
 - (b) menambah kepada, memansuhkan, menguatkuasakan, mengetepikan atau mengubah suai pematuhan dengan suatu Kaedah;
 - (c) mentadbir, mengurus dan menggubal dasar berhubung dengan Kaedah-kaedah ini;
 - (d) mengeluarkan Arahan-arahan bagi tujuan atau berkaitan dengan mana-mana Kaedah-kaedah ini;
 - (e) mentafsir secara konklusif mana-mana peruntukan dalam Kaedah-kaedah ini dan mana-mana Arahan-arahan setelah mengambil kira semangat, niat, tujuan dan inti pati Kaedah-kaedah tersebut;
 - (f) memberikan, menggantung atau membatalkan hak mana-mana Peserta Penjelasan atau Orang Berdaftar;
 - (g) mengenakan terma dan syarat berhubung dengan apa-apa keputusan, kelulusan atau tindakan yang dilakukan oleh Pusat Penjelasan berkaitan dengan Kaedah-kaedah ini pada bila-bila masa dan seterusnya pada bila-bila masa membatalkan, mengubah atau meminda terma dan syarat tersebut;
 - (h) menguatkuasakan arahan-arahan yang diberikan oleh Suruhanjaya;
 - (i) mengambil apa-apa tindakan seperti yang mungkin ditentukan sebagai perlu olehnya berkaitan dengan kegagalan mana-mana Peserta Penjelasan untuk mengekalkan kehendak kewangan menurut Bab 3 Kaedah-kaedah ini atau melepaskan sepenuhnya apa-apa obligasinya kepada Pusat Penjelasan apabila genap masa;
 - (j) menentukan pemboleh ubah yang digunakan untuk mengira Bon Prestasi bagi semua atau mana-mana Peserta Penjelasan;
 - (k) menghendaki suatu Peserta Penjelasan atau Orang yang Berkaitannya untuk menyediakan laporan-laporan, maklumat, Dokumen, Buku dan Rekod kepada Pusat Penjelasan berhubung dengan apa-apa perkara di bawah Kaedah-kaedah ini;
- [Rujuk Arahan No. 2.01(2)-001]*
- (l) berikutan dapatan daripada mana-mana pemeriksaan atau penyiasatan ke atas suatu Peserta Penjelasan, menghendaki Peserta Penjelasan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap mana-mana kakitangan atau ejennya jika orang tersebut menyebabkan Peserta Penjelasan melanggar Kaedah-kaedah ini;
 - (m) menjalankan audit persediaan ke atas suatu Peserta Penjelasan atau menghendaki suatu Peserta Penjelasan menjalankan audit persediaannya sendiri, dengan skop, kriteria dan cara yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan;

[Rujuk Arahan No. 2.01(2)-002]

- (n) mengenakan caj, fi (termasuk fi penjelasan), perbelanjaan, pembayaran atau apa-apa jumlah lain yang kena dibayar kepada Pusat Penjelasan;
 - (o) merujuk apa-apa tindakan atau tingkah laku suatu Peserta Penjelasan atau Orang Berdaftar kepada suatu pihak berkuasa yang berkenaan;
 - (p) melantik suatu jawatankuasa, jawatankuasa kecil, pegawai-pegawai Pusat Penjelasan atau suatu ejen untuk melaksanakan kuasa Pusat Penjelasan di bawah Kaedah-kaedah ini, sekiranya sesuai;
 - (q) menghendaki suatu Peserta Penjelasan menyediakan atas permintaan jaminan dalam bentuk, setakat dan dengan cara seperti yang ditentukan wajar oleh Pusat Penjelasan dengan rujukan kepada, antara lain, tahap pendedahan Peserta Penjelasan tersebut kepada Pusat Penjelasan atau perkara lain seperti yang dianggap wajar oleh Pusat Penjelasan;
 - (r) mengehadkan pendedahan Pusat Penjelasan kepada semua atau mana-mana Peserta Penjelasan;
[Rujuk Arahan No. 2.01(2)-003]
 - (s) menggabungkan semua Kedudukan Terbuka bagi suatu Penjual atau Pembeli, sama ada dipegang oleh Peserta Penjelasan yang sama atau Peserta Penjelasan yang berbeza, dengan cara seperti yang dianggap sesuai olehnya;
[Rujuk Arahan No. 2.01(2)-004]
 - (t) mengambil apa-apa tindakan lanjut, sampingan atau turutan berikutan keputusan atau tindakan permulaan yang diambil oleh Pusat Penjelasan, Suruhanjaya atau Bursa berhubung dengan suatu Peserta Penjelasan atau Orang Berdaftar;
 - (u) melaksanakan semua kuasa lain sebagaimana yang mungkin diperlukan bagi tujuan memantau pematuhan terhadap dan penguatkuasaan Kaedah-kaedah dan Arahan-arahan ini;
 - (v) membetulkan apa-apa kesilapan yang terjadi dalam penyediaan apa-apa perkhidmatan, kemudahan atau pengendaliannya;
[Rujuk Arahan No. 2.01(2)-005]
 - (w) mengeluarkan dapatan dan keputusan daripada mana-mana pemeriksaan atau siasatan, atau kesaksian atau dokumentasi berkaitan dengan prosiding disiplin atau rayuan kepada Suruhanjaya, Bursa atau mana-mana badan atau pihak berkuasa yang berkaitan (di Malaysia atau di luar Malaysia) sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Pusat Penjelasan, atau kepada mana-mana pihak sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Pusat Penjelasan bagi tujuan penyiasatan, penguatkuasaan atau kedua-duanya oleh Pusat Penjelasan; dan
 - (x) melaksanakan apa-apa kuasa dan mengambil apa-apa tindakan (termasuk tindakan pencegahan atau terdahulu) yang pada pendapat Pusat Penjelasan adalah perlu bagi melindungi integriti Pusat Penjelasan.
- (3) Pelaksanaan apa-apa kuasa tertentu yang diberikan kepada Pusat Penjelasan dalam mana-mana peruntukan lain dalam Kaedah-kaedah ini tidak menjejaskan atau mengetepikan pelaksanaan apa-apa kuasa oleh Pusat Penjelasan di bawah Kaedah 2.01(2).
- (4) Jika mana-mana peruntukan Kaedah-kaedah ini memberikan kuasa, membenarkan atau membolehkan Pusat Penjelasan melakukan atau menguatkuasakan pelaksanaan apa-apa tindakan atau perkara, Pusat Penjelasan mempunyai semua kuasa atau hak sebagaimana yang perlu atau sampingan yang wajar untuk Pusat Penjelasan melakukan atau menguatkuasakan pelaksanaan tindakan atau perkara itu.

- (5) Peserta Penjelasan dan Orang Berdaftar mesti mematuhi dan melaksanakan apa-apa Arahan yang dikeluarkan oleh Pusat Penjelasan dalam menjalankan kuasanya di bawah Kaedah-kaedah ini.

2.02 Ketidapkakaian prosiding disiplin dalam Bab 12

- (1) Prosiding disiplin yang ditetapkan dalam Bab 12 tidak terpakai bagi mana-mana tindakan yang dihuraikan di bawah Kaedah-kaedah ini sebagai diambil secara “terus” oleh Pusat Penjelasan (“Kaedah-kaedah Relevan”).
- (2) Dalam mengambil mana-mana tindakan di bawah Kaedah-kaedah Relevan, Pusat Penjelasan tidak perlu memberikan peluang untuk didengar terlebih dahulu kepada Peserta Penjelasan atau Orang Berdaftar.
- (3) Jika satu tindakan diambil di bawah Kaedah-kaedah Relevan, Peserta Penjelasan atau Orang Berdaftar boleh membuat representasi kepada Pusat Penjelasan untuk menghentikan tindakan yang diambil. Pusat Penjelasan boleh, selepas mempertimbangkan representasi yang dibuat, menghentikan tindakan yang diambil atau mengambil apa-apa tindakan lain yang dianggap perlu dalam keadaan tersebut. Walau bagaimanapun, pemberhentian itu tidak boleh ditafsirkan sebagai peninggalan atau apa jua jenis kesilapan di pihak Pusat Penjelasan dalam mengambil tindakan tersebut di bawah Kaedah-kaedah Relevan pada mula.
- (4) Keputusan Pusat Penjelasan selepas mempertimbangkan representasi yang dibuat adalah muktamad dan mengikat Peserta Penjelasan atau Orang Berdaftar.

2.03 Kesahan tindakan

- (1) Apa-apa pindaan kepada Kaedah-kaedah ini tidak menjejaskan:
- (a) Hak terakru Pusat Penjelasan dan obligasi terakru Peserta Penjelasan dan Orang Berdaftar di bawah Kaedah-kaedah ini yang berkuat kuasa sebelum pindaan tersebut; dan
- (b) apa-apa syarat, aku janji, keputusan, penepian, tindakan atau perkara yang dikenakan ke atas atau diberikan oleh atau dilakukan oleh Peserta Penjelasan dan Orang Berdaftar sebelum pindaan tersebut.
- (2) Apa-apa tindakan yang dicadangkan agar diambil atau dalam proses diambil atau telah diambil oleh Pusat Penjelasan berhubung dengan atau menurut mana-mana peruntukan yang sebelumnya dalam Kaedah-kaedah ini yang telah kemudiannya telah dipinda tidak akan ditaksahkan disebabkan apa-apa pindaan kepada Kaedah-kaedah ini, walaupun tindakan itu diambil pada atau selepas tarikh kuat kuasa pindaan tersebut.
- (3) Pusat Penjelasan boleh mengenakan penalti-penalti, kaedah-kaedah dan prosedur-prosedur baharu tersebut ke atas tindakan dari tarikh pindaan tersebut berkuatkuasa.

2.04 Kuasa Syarikat Pemegang Bursa

- (1) Jika mana-mana peruntukan dalam Kaedah-kaedah ini memberikan hak atau kuasa kepada Pusat Penjelasan untuk melakukan apa-apa tindakan atau perkara, hak atau kuasa sedemikian juga diberikan kepada Syarikat Pemegang Bursa untuk melakukan tindakan atau perkara sedemikian bagi pihak Pusat Penjelasan.
- (2) Seseorang pemohon, Peserta Penjelasan, Orang Berdaftar dan orang lain yang Kaedah-kaedah ini ditujukan kepadanya mesti mematuhi, menurut atau melaksanakan apa-apa tindakan Syarikat Pemegang Bursa menurut Kaedah 2.04(1).

2.05 Keputusan Pusat Penjelasan dan hak rayuan

- (1) Apa-apa keputusan Pusat Penjelasan adalah muktamad dan mengikat.
- (2) Seseorang hanya boleh membuat rayuan terhadap apa-apa tindakan atau keputusan yang diambil atau dibuat oleh Pusat Penjelasan di bawah Kaedah-kaedah ini jika hak untuk merayu tersebut diperuntukan secara nyatanya di bawah peruntukan-peruntukan yang relevan dalam Kaedah-kaedah ini.
- (3) Pusat Penjelasan boleh mengesahkan, mengubah atau mengetepikan keputusan yang dirayu.

2.06 Pihak yang terjejas oleh tindakan yang diambil oleh Pusat Penjelasan

Peserta Penjelasan dan Orang Berdaftar mesti memastikan bahawa proksi, ejen, penama atau orang lain yang bertindak bersama dengan Peserta Penjelasan, Orang Berdaftar atau Klien Peserta Penjelasan mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Pusat Penjelasan.

BAHAGIAN B PERLINDUNGAN KEPENTINGAN KLIEN, AWAM DAN PUSAT PENJELASAN

2.07 Kuasa terus

Pusat Penjelasan boleh secara terus mengambil tindakan sedemikian yang difikirkan sesuai oleh Pusat Penjelasan terhadap Peserta Penjelasan atau Orang Berdaftar untuk melindungi kepentingan Klien, pihak awam atau Pusat Penjelasan.

[Rujuk Arahan No. 2.07-001]

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN C SITUASI KECEMASAN

2.08 Keadaan apabila Pusat Penjelasan boleh mengambil tindakan

Tanpa mengehendkan Kaedah 2.12, untuk Pusat Penjelasan memastikan pasaran yang teratur dan saksama atau pengaturan penjelasan dan penyelesaian yang teratur, jelas dan cekap bagi Kontrak Pasaran, Pusat Penjelasan boleh mengambil mana-mana atau semua tindakan yang dinyatakan dalam Kaedah 2.09 sekiranya berlaku situasi kecemasan. Situasi kecemasan termasuk:

- (a) suatu situasi yang mengancam, atau mungkin mengancam integriti atau kecairan pasaran Bursa atau mana-mana Kontrak Pasaran;
- (b) suatu situasi yang mengancam, atau mungkin mengancam integriti kewangan Pusat Penjelasan atau Peserta Penjelasaannya;
- (c) apa-apa faktor dalaman atau luaran yang berkemungkinan mempunyai kesan langsung dan memudaratkan kepada Pusat Penjelasan;
- (d) suatu situasi di mana operasi Pusat Penjelasan terjejas dengan teruk dan memudaratkan disebabkan berlakunya apa-apa kejadian besar seperti kebakaran, kegagalan kuasa atau kepincangan fungsi komputer; dan
- (e) apa-apa situasi lain yang mungkin mendatangkan kesan memudaratkan kepada operasi pasaran yang teratur dan saksama atau pengaturan penjelasan dan penyelesaian yang teratur, jelas dan cekap bagi Kontrak Pasaran.

2.09 Tindakan

- (1) Pusat Penjelasan boleh mengambil mana-mana atau semua tindakan yang berikut dalam situasi yang dirujuk dalam Kaedah 2.08:
 - (a) menggantung mana-mana peruntukan Kaedah-kaedah ini atau membuat atau mengenakan kaedah sementara baharu (“Kaedah-Kaedah Darurat”) untuk memastikan pasaran yang teratur dan saksama atau pengaturan penjelasan dan penyelesaian yang teratur, jelas dan cekap bagi Kontrak Pasaran;
 - (b) mengarahkan mana-mana atau semua Peserta Penjelasan untuk menyerah simpan tunai atau kolateral tambahan dengan Pusat Penjelasan berkenaan semua atau sesuatu Kontrak Terbuka;
 - (c) menolak atau enggan untuk mendaftarkan Kontrak Pasaran, atau meletakkan syarat seperti yang dianggap sesuai selepas penerimaan Kontrak Pasaran oleh Pusat Penjelasan untuk pendaftaran;
 - (d) menggantung Penyertaan mana-mana Peserta Penjelasan yang keadaan kewangan atau tingkah laku perniagaannya menjejaskan atau mungkin menjejaskan integriti kewangan atau reputasi Pusat Penjelasan;
 - (e) menggantung keseluruhan atau mana-mana bahagian pengendalian kemudahan atau perkhidmatan Pusat Penjelasan yang disediakan kepada Peserta Penjelasan bagi tempoh yang dianggap sesuai olehnya;
 - (f) mencairkan Kontrak Terbuka melalui penyelesaian tunai seperti yang mungkin ditentukan oleh Pusat Penjelasan pada harga yang ditentukan oleh Bursa yang relevan atau jika gagal, pada harga yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan; atau
 - (g) mana-mana tindakan lain yang mengikut budi bicara mutlaknya dianggap sesuai dan selaras dengan Kaedah-kaedah ini.

- (2) Semua Kaedah Darurat yang dibuat dan dikenakan oleh Pusat Penjelasan adalah mengikat ke atas semua Peserta Penjelasan dan Orang yang Berkaitan bagi tempoh sedemikian dan mengikut terma dan syarat yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan.

BAHAGIAN D LIABILITI DAN TANGGUNG RUGI

2.10 Imuniti

- (1) Suatu Peserta Penjelasan tidak mempunyai apa-apa kausa tindakan ke atas orang yang berikut berkenaan dengan apa-apa tindakan atau keputusan yang dibuat dengan suci hati dalam pelaksanaan tugas orang tersebut menurut Kaedah-kaedah ini:
 - (a) Pusat Penjelasan atau Syarikat Pemegangan Bursa;
 - (b) mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Pusat Penjelasan atau Syarikat Pemegangan Bursa, termasuk:
 - (i) mana-mana ahli lembaga atau jawatankuasa atau jawatankuasa kecil bagi Pusat Penjelasan atau Syarikat Pemegangan Bursa;
 - (ii) mana-mana pegawai Pusat Penjelasan atau Syarikat Pemegangan Bursa;
 - (iii) mana-mana ejen bagi, atau mana-mana orang yang bertindak di bawah arahan Pusat Penjelasan atau Syarikat Pemegangan Bursa.
- (2) Kaedah 2.10(1) ialah tambahan kepada dan tidak menggantikan apa-apa imuniti atau pembelaan yang tersedia di bawah statut atau undang-undang.

2.11 Force Majeure

- (1) Tanpa menyentuh keluasan Kaedah 2.10, Pusat Penjelasan tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kegagalan, halangan atau kelewatan dalam perkara yang berikut jika kegagalan, halangan atau kelewatan tersebut timbul akibat sebab-sebab yang di luar kawalan Pusat Penjelasan:
 - (a) penyediaan perkhidmatan kepada atau pelaksanaan mana-mana arahan daripada Peserta Penjelasan berkenaan penjelasan dan penyelesaiannya atau perkhidmatan lain; atau
 - (b) pelaksanaan keseluruhan atau sebahagian daripada obligasinya di bawah Kaedah-kaedah ini atau di bawah mana-mana Kontrak Terbuka.
- (2) Sebab-sebab tersebut mungkin termasuk kuasa ketenteraan, embargo, kebakaran, banjir, letupan, kemalangan, pertikaian buruh, kerosakan mekanikal, kepincangan komputer atau sistem, kerosakan pada komputer atau perisian sistem, gangguan bekalan kuasa atau kemudahan atau perkhidmatan lain, mana-mana undang-undang, dekri, peraturan atau arahan kerajaan atau mahkamah.
- (3) Kaedah 2.11(1) adalah tambahan kepada dan tidak menggantikan apa-apa imuniti atau pembelaan yang tersedia di bawah statut atau undang-undang.

2.12 Pengehadan liabiliti

- (1) Pusat Penjelasan tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa ganti rugi, kerugian, kos atau perbelanjaan dalam apa jua sifat yang dialami atau ditanggung oleh suatu Peserta Penjelasan atau mana-mana pihak ketiga yang timbul daripada atau berhubung dengan kegagalan Peserta Penjelasan untuk mematuhi atau menuruti Kaedah-kaedah ini atau obligasi suatu Peserta Penjelasan kepada mana-mana pihak ketiga dan Pusat Penjelasan tidak memegang di bawah Kaedah-kaedah ini atau di bawah mana-mana Kontrak Terbuka apa-apa liabiliti atau obligasi kepada mana-mana orang selain Peserta Penjelasan menurut Kaedah-kaedah ini.
- (2) Liabiliti Pusat Penjelasan kepada Peserta Penjelasan adalah terhad kepada kerugian yang diakibatkan secara langsung daripada kegagalannya terhadap Peserta Penjelasan dalam pelaksanaan obligasi kontraktualnya menurut Kaedah-kaedah ini di bawah Kontrak Terbuka yang

Peserta Penjelasan tersebut merupakan pihak berlawanan.

- (3) Walaupun apa-apa perkara lain yang terkandung dalam Kaedah-kaedah ini, kecuali Kaedah 2.12(2), Pusat Penjelasan tidak bertanggung dalam apa jua cara sekalipun terhadap Peserta Penjelasan bagi tindakan atau peninggalan oleh Pusat Penjelasan atau pekerja, pegawai atau ejennya melainkan tindakan atau peninggalan itu adalah disebabkan kecuaiian, salah laku sengaja atau penipuan oleh Pusat Penjelasan atau pekerja, pegawai atau ejennya.
- (4) Bagi mengelakkan keraguan, Pusat Penjelasan tidak bertanggung terhadap apa-apa kerugian atau ganti rugi khas, tidak langsung atau turutan atau kerugian terhadap kehilangan perniagaan, hasil, nama baik, rundingan atau kehilangan keuntungan yang dialami oleh mana-mana Peserta Penjelasan, walaupun jika Pusat Penjelasan telah dimaklumkan tentang kemungkinan berlakunya ganti rugi ini.
- (5) Pusat Penjelasan juga tidak bertanggung terhadap apa-apa ganti rugi, kerugian, kos atau perbelanjaan dalam apa jua sifat yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Penjelasan atau mana-mana pihak ketiga yang timbul daripada atau berhubung dengan perkara yang berikut:
 - (a) pelaksanaan atau kegagalan pelaksanaan apa-apa budi bicara atau kuasa membuat keputusan oleh Pusat Penjelasan di bawah Kaedah-kaedah ini;
 - (b) ketaksolvenan atau tindakan atau peninggalan Bursa;
 - (c) ketaksolvenan atau tindakan atau peninggalan oleh Bank Penyelesaian Pusat Penjelasan;
 - (d) ketidaktepatan mana-mana maklumat yang dibekalkan kepada dan dipercayai oleh Pusat Penjelasan (termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa kesilapan dalam penetapan harga penyelesaian yang dibuat oleh Bursa) atau Bursa;
 - (e) ketidakupayaan Pusat Penjelasan untuk melaksanakan fungsinya akibat ketaksahan atau pembatalan mana-mana insurans atau jaminan, dengan syarat bahawa penguatkuasaan insurans atau jaminan tersebut dan pemilihan penanggung insurans oleh Pusat Penjelasan adalah bukan tidak munasabah pada masa pemilihan; dan
 - (f) apa-apa arahan, pernyataan atau laporan tersilap yang dikeluarkan oleh Pusat Penjelasan akibat apa-apa pemprosesan atau kebergantungan terhadap apa-apa arahan, laporan atau pernyataan tersilap yang dikeluarkan kepada Peserta Penjelasan berkaitan dengan apa-apa perkhidmatan, kemudahan atau pengendalian yang disediakan oleh Pusat Penjelasan atau berhubung dengan apa-apa pembetulan pada mana-mana laporan atau pernyataan tersilap itu yang dikeluarkan oleh Pusat Penjelasan.
- (6) Kaedah 2.12 ini ialah tambahan kepada dan tidak sepatutnya menyentuh keluasan Kaedah 2.10.

2.13 Tanggung Rugi

Setiap Peserta Penjelasan mesti menanggung rugi Pusat Penjelasan, ejen, wakil, pengarah, pegawai dan pekerjanya dan melindungi mereka daripada semua kos, fi, perbelanjaan, liabiliti, cukai, taksiran, ganti rugi dan kerugian dalam apa jua sifat yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Penjelasan secara langsung atau tidak langsung akibat atau berkaitan dengan perkara yang berikut:

- (a) penyertaan Peserta Penjelasan dalam mana-mana perkhidmatan atau kemudahan Pusat Penjelasan atau aktiviti Peserta Penjelasan dalam mana-mana perkhidmatan atau kemudahan tersebut dan semua perkara yang berhubung dengan penyertaan atau aktiviti itu seperti yang ditentukan dalam Kaedah-kaedah ini;
- (b) kegagalan Peserta Penjelasan untuk mematuhi peruntukan mana-mana undang-undang, Kaedah-kaedah ini dan apa-apa perjanjian (termasuk tanpa pengecualian, representasi dan waranti yang terkandung padanya) atau mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan ke atas Peserta Penjelasan;

- (c) tindakan dan peninggalan oleh Pusat Penjelasan, ejen, penama, pekerja, pengarah, pegawai dan wakilnya dalam kebergantungan pada apa-apa arahan atau komunikasi yang dipercayai oleh mana-mana mereka dengan suci hati sebagai diberikan oleh atau bagi pihak Peserta Penjelasan, atau kegagalan Peserta Penjelasan untuk memberikan arahan kepada Pusat Penjelasan seperti yang ditentukan dalam Kaedah-kaedah ini; dan
- (d) pelaksanaan atau kegagalan pelaksanaan kuasa oleh Pusat Penjelasan di bawah Kaedah-kaedah ini, khususnya pelaksanaan atau kegagalan pelaksanaan kuasa di bawah Bab 2, 9, 10 dan 12, atau penentuan oleh Pusat Penjelasan tentang pematuhan atau ketidakpatuhan mana-mana syarat bagi pelaksanaan kuasa tersebut.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN E PENDEDAHAN MAKLUMAT

2.14 Pendedahan maklumat berkenaan dengan Peserta Penjelasan

- (1) Pusat Penjelasan boleh, jika dianggapnya wajar, menerbitkan atau mendedahkan maklumat berkenaan dengan Peserta Penjelasannya dan aktiviti mereka kepada orang berikut:
 - (a) Suruhanjaya;
 - (b) Bursa;
 - (c) suatu depository pusat yang ditubuhkan menurut Akta Perindustrian Sekuriti (Depository Pusat) 1991;
 - (d) suatu pusat penjelasan yang diluluskan di bawah Akta;
 - (e) mana-mana badan berkanun, agensi kerajaan atau pihak berkuasa kawal selia lain;
 - (f) Peserta Penjelasan; dan
 - (g) mana-mana orang jika Pusat Penjelasan berasa bahawa pendedahan itu adalah untuk kepentingan am Pusat Penjelasan atau Peserta Penjelasannya atau adalah perlu atau wajar untuk pelaksanaan fungsi Pusat Penjelasan yang sepatutnya.
- (2) Bagi tujuan Kaedah-kaedah ini, maklumat yang boleh diterbitkan atau didedahkan oleh Pusat Penjelasan termasuk:
 - (a) semua maklumat atau dokumen berhubung dengan transaksi yang berkenaan dengan mana-mana kontrak yang didagangkan dalam Pasaran Diluluskan atau mana-mana transaksi yang dijelaskan melalui Pusat Penjelasan atau berhubung dengan mana-mana Peserta Penjelasan atau Klien berkenaan dengan kontrak atau transaksi tersebut; atau
 - (b) apa-apa tindakan yang diambil oleh Pusat Penjelasan di bawah Kaedah-kaedah ini terhadap Peserta Penjelasan atau Orang Berdaftar.

[Bab Tamat]